

BERITA HARIAN
JUN AJAT (25 Feb 2011)
N/S • 34

Tindakan Pro-Mahasiswa UPM cemar imej warga kampus

REMPUH pintu selepas masa diberi untuk memberi penjelasan tamat, inilah 'demokrasi' yang diperjuangkan oleh kumpulan Pro-Mahasiswa. Betulkah ini perbuatan mahasiswa?

Tanggal 23 Februari 2011, pintu kaca bangunan pentadbiran Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menempatkan pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) Prof Dr Mohd Fauzi Ramlan, pecah dirempuh sekumpulan pelajar pro-Mahasiswa. Beberapa pengawal keselamatan juga mengalami kecederaan disebabkan tindakan ganas mereka. Apakah kumpulan Pro-Mahasiswa mesti bertindak ganas?

Apakah itu satu-satunya cara mereka menangani masalah? Di mana perginya rasa hormat dan budaya santun mahasiswa? Apakah kita menghadapi krisis keruntuhannya akhlak? Terdapat banyak lagi persoalan yang perlu dijawab oleh pihak Pro-Mahasiswa ekoran daripada insiden ganas ini.

Sememangnya semua yang berlaku sepanjang musim pilihan raya kampus adalah antara proses pembelajaran yang wajar kita lalui, maka kita telahpun diberi kelonggaran untuk menyuarakan

pendapat, berhimpun dan sebagainya. Adakah ia bermakna kita bebas berbuat apa saja sehinggaikan imej mahasiswa tergadai?

Sedar atau tidak, perbuatan mereka mencemarkan nama baik mahasiswa yang sebelum ini dikagumi kerana intelektualnya. Yang membabitkan diri dalam 'keganasan' hanyalah segelintir mahasiswa yang dipercayai terlalu agresif sehinggaikan golongan ini sanggup bertindak ganas terhadap pihak universiti. Kini, masyarakat mempunyai tanggapan negatif terhadap mahasiswa secara keseluruhannya. Yang menyedihkan, masyarakat mula mempersoalkan nilai etika mahasiswa.

Kempen pilihan raya yang melampau patut dikutuk. Perbezaan ideologi jangan dijadikan alasan untuk bertindak melulu. Konsep 'kesederhanaan' patut menjadi asas terhadap segala perjuangan, jangan bertindak melampau. Kata orang; jangan sampai marahkan pijat, kelambu harus dibakar.

TEY JUN REN,
Presiden Asian Law Students' Association (ALSA), Universiti Kebangsaan Malaysia.